

16 AUG 2000

Najib-Mandela

MANDELA HARAP MALAYSIA PERTIMBANG PEMBELIAN SENJATA

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Bekas Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela berharap Malaysia akan membeli senjata keluaran negara itu termasuk helikopter penyerang.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Afrika Selatan turut menawarkan latihan dan pemindahan teknologi pertahanan kepada tentera Malaysia.

Menurut beliau pembelian senjata Afrika Selatan memang dalam pertimbangan kerana mereka mempunyai teknologi yang tinggi dalam bidang pertahanan.

"Bagaimanapun soal pembayaran pembelian itu tidak dibincangkan," kata Najib selepas menerima kunjungan Mandela di sini, hari ini.

Mandela yang dalam rangka lawatan ke Malaysia sehingga Jumaat ini, sebelum itu mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kediaman rasmi Perdana Menteri di Putra Jaya, tengah hari tadi.

Najib berkata, Mandela turut melahirkan penghargaan yang tinggi kepada Malaysia terutamanya terhadap kepimpinan Perdana Menteri kerana banyak membantunya dalam mewujudkan Afrika Selatan yang baru.

Malaysia sebelum ini bercadang untuk membeli peralatan pertahanan dari Afrika Selatan termasuk helikopter penyerang jenis Rooivalk dan meriam 155 mm tetapi pembeliannya ditangguhkan akibat kegawatan ekonomi yang melanda negara.

Rooivalk dilengkapi dengan meriam dan peluru berpandu dikatakan setaraf dengan helikopter penyerang Apache buatan Amerika.

-- BERNAMA

HIS GM PR